

PPDNKK P.Pinang Buka Mahkamah Tribunal Tuntutan Pengguna Kedua Di P.Pinang
Bernama
9 Apr, 2014

BUTTERWORTH, 9 April (Bernama) -- Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) Pulau Pinang mengambil inisiatif menyediakan sebuah mahkamah Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) yang lengkap seperti mahkamah sivil dalam usaha mendidik orang ramai mengenai hak-hak pengguna.

Pemangku Pengarahnya Abdul Rosik Yakub berkata mahkamah yang mula beroperasi Rabu adalah mahkamah TTPM yang kedua diwujudkan di Pulau Pinang bagi mengendalikan aduan dan tuntutan pengguna berhubung peniaga yang tidak beretika khususnya di tanah besar.

"Mahkamah TTPM ini juga merupakan mahkamah cawangan yang lengkap yang pertama diwujudkan di Malaysia, sebelum ini semua kes di bahagian Seberang Perai Tengah yang dikendalikan sejak Jun 2010 dibuat secara ad-hoc menggunakan bilik mesyuarat.

Selain menyediakan suasana yang lebih kondusif dan selesa ia juga sebagai satu kemudahan kepada pengguna di sekitar daerah ini untuk memfailkan aduan mereka," katanya kepada pemberita dalam sidang media yang diadakan bagi memperkenalkan mahkamah itu, di sini hari ini.

TTPM merupakan sebuah badan bebas yang ditubuhkan di bawah Seksyen 85, Bahagian 12 Akta Perlindungan Pengguna 1999, bertujuan untuk mendengar dan mengadili tuntutan-tuntutan pengguna yang dibuat di bawah akta dan tertakluk kepada peruntukan Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Abdul Rosik berkata sesi pertama perbicaraan di mahkamah yang baharu itu akan bermula pada 14 April ini melibatkan sebanyak 15 kes antaranya pengubahsuaian rumah, perkhidmatan utiliti, pakej perlancongan dan umrah serta rawatan kecantikan.

"Mahkamah ini bukan sekadar digunakan untuk mendapatkan ganti rugi semata-mata tetapi ia juga sebagai satu siri pembelajaran kepada pengguna khususnya yang berkaitan dengan perundangan serta hak-hak pengguna," katanya.

Selain itu Abdul Rosik berkata sepanjang tahun lepas, 569 kes telah difailkan di TTPM seluruh Pulau Pinang dan sebanyak 35 sesi pendengaran telah berlangsung, di mana 30 peratus diselesaikan di luar mahkamah.

Katanya sehingga Mac tahun ini sebanyak 116 kes telah difailkan dan sebanyak 12 sesi pendengaran telah berlangsung.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1029110>